

18

Meningkatkan Motivasi Dan Prestasi Pelajar Dalam Penggunaan Bahasa Melayu Melalui Teknik Drama

Sekolah Menengah Queenstown



Nur Shiqah Hashim

nur_shiqah_hashim@schools.gov.sg



Siti Nur Aisyah Shawall

siti_nur_aisyah_shawall@
schools.gov.sg

Abstrak

Guru sering berdepan dengan pelajar bahasa Melayu yang kurang menggunakan bahasa Melayu di rumah. Kesannya, kemahiran asas berbahasa Melayu dalam kalangan pelajar sangat terbatas. Guru ingin mempertingkatkan dan mengembangkan potensi setiap pelajar dalam berbahasa Melayu. Kajian ini bertujuan menggabungkan empat kemahiran asas bahasa menerusi Teknik Drama di dalam bilik darjah. Drama dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu berupaya meningkatkan keyakinan, kreativiti, motivasi pelajar menguasai kemahiran berbahasa Melayu. Teknik drama ini dapat menyuntik keseronokan dalam PdP bahasa Melayu. Teknik drama yang dijalankan telah berjaya memupuk dan mengukuhkan minat pelajar mempelajari Bahasa Melayu. Usaha dan kesungguhan pelajar dapat dilihat melalui persiapan yang dilakukan untuk lakonan drama.

Kata kunci: teknik drama, kemahiran bertutur, motivasi, kreativiti

PENGENALAN

Pada abad ke-21 ini, profil pelajar yang mengambil dan menggunakan Bahasa Melayu semakin berubah. Secara purata, tidak dapat dinafikan ramai yang lebih selesa bertutur dan mengutarakan pemikiran mereka dalam bahasa Inggeris. Ada yang masih berpeluang untuk menggunakan bahasa Melayu bersama datuk, nenek atau orang tua mereka tetapi tidak dinafikan peratusannya semakin mengecil. Pendedahan kepada penggunaan bahasa Melayu juga semakin terhad, hanya dalam 'kongkongan' bilik darjah, bersama guru. Malah bahasa Inggeris juga semakin kerap digunakan di dalam bilik darjah Bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, teknik drama menjadi pilihan sebagai satu pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang efektif untuk memberi peluang kepada pelajar berucap di depan khalayak ramai. Tumpuan diberikan pada teknik drama dalam kalangan para pelajar Menengah 2 dan 3 aliran Ekspres, Normal Akademik (NA) dan Normal Teknikal (NT). Kajian ini boleh dimanfaatkan oleh para pendidik dalam penerapan aplikasi teknik drama di dalam bilik darjah. Ini akan menghasilkan pelajar yang yakin bertutur bahasa Melayu dengan lancar.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, para pelajar aliran Ekspres, Normal Akademik (NA) dan Normal Teknikal (NT) mempunyai penguasaan bahasa Melayu yang agak rendah. Mereka mempunyai penguasaan kosa kata yang terhad dan kurang lancar ketika mengutarakan idea-idea mereka dalam bahasa Melayu. Sering kali, pelajar menyelitkan perkataan Inggeris semasa berinteraksi dalam kelas Bahasa Melayu. Apabila diberi peluang untuk menyampaikan pembentangan dalam bahasa Melayu di depan kelas, mereka hilang keyakinan diri. Dengan itu, isu mengenai kesukaran untuk para pelajar bertutur dalam bahasa Melayu perlu dikaji dengan lebih mendalam. Melalui perbincangan para guru, teknik drama dirasakan sesuai untuk mendorong pelajar menggunakan bahasa Melayu. Guru memainkan peranan untuk melakarkan langkah-langkah intervensi. Hal ini penting dilakukan bagi memperbaiki mutu kemahiran interaksi lisan para pelajar supaya mampu berkomunikasi dengan yakin dan berkesan.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan teknik drama bagi meningkatkan kemahiran interaksi lisan dalam kalangan para pelajar; dan
2. meningkatkan keyakinan para pelajar untuk memberikan maklum balas dengan menggunakan kosa kata bahasa Melayu dengan baik.

KAJIAN LEPAS

Seameera Ahmed Al-Senaidi (1983), menyarankan bahawa dengan menyelitkan aktiviti main peranan sebagai salah satu teknik drama, guru boleh menggalakkan para pelajar untuk bertutur antara satu sama lain berdasarkan konteks yang telah ditetapkan. Peluang berulang kali untuk aktiviti main peranan dipercayai mampu meningkatkan keyakinan pelajar dan tahap komunikasi lisan juga menjadi lebih sempurna. Pelajar akan lebih seronok untuk mencuba dan tidak terlalu prihatin mengenai kesalahan yang mungkin mereka lakukan semasa sesi penyampaian.

Aktiviti main peranan mampu menjadi wadah bagi pelajar untuk menghubungkan aspek emosi dan kognitif semasa melakukan penyampaian. Melalui teknik drama pelajar diberi kebebasan untuk melakukan kesilapan bahasa tanpa berasa tertekan. Dengan adanya teknik main peranan, pelajar boleh terus mengekalkan keyakinan untuk mencuba. Suasana yang seronok dan menghiburkan membolehkan pelajar untuk mencuba dalam suasana yang santai.

Menurut Napie Mat dan Noraini Abdullah (1988), penggunaan bahan sastera termasuk teks drama yang penuh dengan ilmu pengetahuan dan keindahan dari segi persembahan dan bahasanya bukan sahaja dapat memperkaya para pelajar dengan ilmu pengetahuan tentang hal-hal kemasyarakatan dan kebudayaan, tetapi juga dapat menolong mengembangkan daya pemikiran pelajar ke tahap yang kritis dan analitis. Dalam konteks perbincangan ini, penggunaan teknik drama dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu akan disentuh.

Menurut Omar Mamat (1995), cara pengajaran Bahasa Melayu dengan menggunakan teknik drama dapat melatih pelajar mengembangkan idea, iaitu menerusi jalan cerita atau berdasarkan gerak laku sesuatu watak.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian eksperimen untuk meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar dalam menggunakan bahasa Melayu. Pendedahan pada pelbagai teknik drama digunakan untuk menarik minat pelajar menggunakan bahasa Melayu dalam situasi yang santai dan mengurangkan fokus tentang penggunaannya dalam konteks peperiksaan.


Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan pelajar Menengah 3 daripada aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal. Secara umumnya, para pelajar terdiri daripada gabungan pelbagai aras pencapaian dan lebih selesa untuk bertutur dalam bahasa Inggeris. Justeru, para pelajar lebih cenderung untuk memikirkan ayat dalam bahasa Inggeris sebelum menterjemahkannya dalam minda dan menuturkannya dalam Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, guru menggunakan tiga instrumen sebagai kayu ukur untuk menilai keberkesanan teknik drama dalam meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu.

1. Pencapaian markah ujian lisan (Perbualan Berdasarkan Video)
Maklumat ini bersifat kuantitatif berdasarkan pemarkahan isi dan penggunaan bahasa sewaktu ujian lisan. Instrumen ini dapat menilai sama ada terdapat peningkatan dari segi penguasaan bahasa melalui kosa kata yang digunakan dan kelancaran pelajar sewaktu mengutarakan pendapat pada tahun 2021 berbanding pencapaian markah pada tahun 2020.
2. Pemerhatian guru di dalam bilik darjah
Perkara-perkara yang dipantau ialah minat yang dipamerkan pelajar ketika guru sedang mengajar, usaha pelajar melalui tugas yang dihantarkan dan kesungguhan pelajar untuk mencuba perkara baharu berkaitan subjek Bahasa Melayu. Maklumat yang bersifat kualitatif ini dapat menilai



keberkesanan teknik drama dalam perubahan sikap pelajar terhadap penggunaan bahasa Melayu.

3. Maklum balas pelajar

Pada akhir pelajaran, pelajar akan mengisi borang maklum balas. Guru juga mendapatkan pendapat pelajar mengenai aktiviti main peranan yang dijalankan dan minat mereka terhadap aktiviti sebegini untuk pelajaran akan datang.

Prosedur Kajian


Tahap Pertama - Pemilihan Teknik Drama

Guru diberikan kebebasan untuk memilih teknik drama yang sesuai daripada kompilasi teknik drama yang ada berdasarkan topik pelajaran. Profil pelajar juga diambil kira untuk merancang pelajaran dengan teliti dari segi kandungan dan strategi yang sesuai di dalam bilik darjah.

Tahap Kedua - Pelaksanaan Teknik Drama

Bagi pelajar Menengah 2 yang dipilih, guru menjalankan aktiviti drama 'Objek 10 Saat'. Kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga lima pelajar akan membentuk sebuah objek harian menggunakan tubuh badan mereka dalam masa 10 saat. Pelajar akan membentuk objek-objek berdasarkan pengalaman masing-masing. Bagi profil pelajar yang melebihi aras pencapaian, guru memberikan tema atau topik yang perlu dilakukan agar para pelajar diberi ruang untuk berfikir secara kreatif. Bagi pelajar praaras pencapaian, guru membimbing dengan memberikan objek yang khusus.

Tahap Ketiga - Penjelasan Lakonan



Cabaran aktiviti ini merupakan kebolehan mereka untuk menjelaskan pembentukan objek lakonan mereka itu. Contohnya, kumpulan pelajar yang melakonkan sebuah jambatan harus menjelaskan bahagian-bahagian jambatan seperti bumbung, tempat pemegang, tangga, tanaman hiasan dan sebagainya. Pelajar lebih cenderung menggunakan kosa kata bahasa Inggeris untuk menjelaskan lakonan mereka seperti *railings*, *pillar*, *roof* atau *shelter*. Ini mewujudkan peluang untuk guru mengajarkan kosa kata baharu tentang perkara-perkara umum dalam kehidupan seharian pelajar.

Tahap Keempat - Penggunaan Kosa Kata

Untuk memastikan pembelajaran kosa kata berkesan dan membiasakan pelajar menggunakan kosa kata bahasa Melayu, kumpulan boleh melakukan sebuah skit mini menggunakan kosa kata yang dipelajari. Pengetahuan kosa kata juga diperkukuh melalui penulisan karangan naratif atau deskriptif untuk menggambarkan keadaan sekeliling atau penceritaan pengalaman secara lisan. Contohnya:

“Alia memanjat **tangga** jambatan yang tinggi itu untuk menyeberangi jalan raya. Tangannya menggenggam erat **tempat pemegang** jambatan itu sambil melangkah berhati-hati kerana dia tidak mahu tersilap langkah. Alia bersyukur kerana **bumbung** jambatan itu memberikan **teduhan** daripada sinaran matahari yang terik.”

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kesan Pada Pembelajaran Pelajar

1. Motivasi dan minat terhadap pelajaran Bahasa Melayu
Berdasarkan pemerhatian guru, teknik drama yang dijalankan telah berjaya memancing minat pelajar terhadap PdP Bahasa Melayu. Usaha dan kesungguhan pelajar dapat dilihat melalui persiapan yang dilakukan untuk lakonan drama seperti patung watak yang dihias, prop lakonan yang disediakan dan kostum yang dipakai untuk menghidupkan lakonan.

Melalui borang maklum balas yang disediakan, para pelajar juga meluahkan rasa minat terhadap aktiviti-aktiviti lakonan yang dijalankan sewaktu pengajaran (Lihat Jadual 1). Mereka berharap guru akan menerapkan pelbagai aktiviti lakonan lain dalam pelajaran seterusnya. Malah, pelajar juga sering bertanya-tanya bilakah aktiviti lakonan akan dijalankan lagi.

Jadual 1: Motivasi Dan Minat Terhadap Pelajaran Bahasa Melayu

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Selepas menjalani aktiviti lakonan di dalam bilik darjah, saya ingin melakukan aktiviti lakonan lagi.	48%	32%	20%	0%

2. Peningkatan pengetahuan Bahasa Melayu

Permasalahan kajian yang diketengahkan merupakan pelajar yang cenderung bertutur dalam bahasa Inggeris disebabkan kurangnya perbendaharaan kata dan pengetahuan tentang bahasa Melayu kerana kurang penggunaan di rumah dan di sekolah. Isu ini menyebabkan mereka kerap menggunakan kosa kata bahasa Inggeris.

Dapatan maklum balas pelajar menunjukkan bahawa pelajar merasakan aktiviti-aktiviti lakonan yang dijalankan membantu mereka dalam PdP bahasa Melayu. Aktiviti lakonan membina, menambah dan mengukuhkan kosa kata bahasa Melayu. (Rujuk Jadual 2). Melalui sketsa yang dilakonan dan bimbingan guru, mereka kini mengetahui perkataan-perkataan umum dalam kehidupan seharian yang dahulunya tidak diketahui.

Jadual 2: Keberkesanan Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Teknik Drama

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Selepas menjalani aktiviti lakonan di dalam bilik darjah, saya mempelajari perkataan baharu dalam bahasa Melayu.	29%	68%	3%	0%

3. Peningkatan penguasaan bahasa dalam pertuturan bahasa Melayu

Pengukuhan kosa kata ini menimbulkan kesedaran kepada pelajar bahawa mereka tidak perlu menyelitkan kosa kata bahasa Inggeris kerana terhadnya perbendaharaan kata mereka. Kesedaran ini menyebabkan mereka berasa lebih yakin untuk mengetahui kosa kata bertutur dalam bahasa Melayu (Rujuk Jadual 3).

Jadual 3: Tahap Keyakinan Diri Untuk Menggunakan Bahasa Melayu

Item	Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
Selepas menjalani aktiviti lakonan di dalam bilik darjah, saya menjadi lebih yakin untuk berbual dalam bahasa Melayu.	23%	65%	12%	0%

Keyakinan diri bertutur dalam bahasa Melayu terbukti lebih kukuh apabila kebanyakan pelajar daripada ketiga-tiga aliran Ekspres (Jadual 4), Normal Akademik (Jadual 5) dan Normal Teknikal (Jadual 6); mencapai peningkatan

sebanyak 1 hingga 3 markah bagi aspek respons isi mahupun penggunaan bahasa. Berdasarkan rubrik penilaian lisan perbualan, peningkatan ini boleh menandakan penambahbaikan kelakonan pelajar dalam pelbagai aspek seperti:

- Pemahaman terhadap topik perbualan;
- Huraian tentang topik perbualan yang jelas;
- Penggunaan kosa kata yang bersesuaian dengan topik;
- Keupayaan mengekalkan perbualan; dan
- Kelancaran dalam perbualan.

Peningkatan penguasaan bahasa Melayu membantu pelajar untuk memahami topik perbualan serta soalan-soalan rangsangan yang diberikan dengan lebih baik. Lantas, pelajar dapat menggunakan kosa kata yang sesuai untuk menjelaskan respons mereka serta memberikan penjelasan yang lebih tuntas. Oleh sebab pelajar kurang menghadapi masalah ketandusan kosa kata, mereka tidak gementar untuk berbual kerana mereka tahu mereka tidak akan dihukum kerana menggunakan kosa kata bahasa Inggeris atau kosa kata yang salah. Justeru, pelajar dapat bertutur dengan lancar kerana mereka tidak perlu melakukan penterjemahan bahasa dalam minda untuk mengutarakan pendapat tentang topik yang dibualkan.

Jadual 4: Perbandingan Markah Perbualan Pelajar Menengah 3 Ekspres 2020 dan 2021

Pelajar Ekspres	Kelas	Respons Peribadi & Pengembangan Idea (20m)			Bahasa & Kelancaran (20m)		
		2020	2021		2020	2021	
1	3A	17	10		14	12	
2	3D	13	16	+3	13	16	+3
3	3D	15	15		13	14	+1
4	3E	13	15	+2	14	14	
5	3E	16	13		17	13	
6	3F	13	12		12	12	
7	3F	12	15	+3	14	17	+3
8	3F	12	13	+1	13	13	
9	3F	14	16	+2	14	16	+2
10	3F	15	17	+2	16	17	+1
11	3F	14	16	+2	13	15	+2

Jadual 5: Perbandingan Markah Perbualan Pelajar Menengah 3 NA 2020 dan 2021

Pelajar Normal Akademik	Kelas	Respons Peribadi & Pengembangan Idea (20m)			Bahasa & Kelancaran (20m)		
		2020	2021		2020	2021	
12	3E	11	14	+3	9	13	+4
13	3E	11	14	+3	11	14	+3
14	3F	14	13		13	13	
15	3F	13	15	+2	12	13	+1
16	3F	15	16	+1	13	14	+1
17	3F	12	15	+3	11	13	+2
18	3F	10	14	+4	10	12	+2
19	3F	13	14	+1	14	14	
20	3F	10	14	+4	9	13	+4

Jadual 6: Perbandingan Markah Perbualan Pelajar Menengah 3 NT 2020 dan 2021

Pelajar Normal Teknikal	Kelas	Respons Peribadi & Pengembangan Idea (20m)			Bahasa & Kelancaran (20m)		
		2020	2021		2020	2021	
21	3G	10	8		9	9	
22	3G	11	10		9	11	+2
23	3G	7	8	+1	6	9	+3
24	3G	9	7		8	9	+1
25	3G	3	4	+1	4	4	
26	3G	9	12	+3	12	12	
27	3G	8	9	+1	8	8	
28	3G	11	12	+1	9	12	+3
29	3G	7	8	+1	8	9	+1
30	3G	10	10		9	10	+1
31	3G	9	8		9	8	

CADANGAN

Bagi perancangan masa hadapan, kami ingin memanfaatkan perkembangan teknologi dalam PdP bahasa Melayu agar pembelajaran menjadi lebih relevan. Guru harus meneruskan usaha mewujudkan keseimbangan serta memanfaatkan ICT bagi memaksima pembelajaran serta memperkukuhkan pengajaran di dalam bilik darjah dengan memperkasakan pelajar dengan kemahiran-kemahiran lain yang relevan. Selain itu, kajian yang lebih lanjut juga

boleh memberikan tumpuan kepada kesan kaedah pengajaran ini terhadap pemikiran kritis serta kreativiti pelajar.

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, kajian ini telah memberikan keyakinan kepada guru bahawa teknik drama dalam PdP bahasa Melayu dapat menyuburkan minat pelajar belajar dan menanamkan sikap positif terhadap mata pelajaran bahasa Melayu.

Guru berpendapat bahawa kaedah ini berjaya mempertingkatkan kemahiran bertutur pelajar. Pelajar lebih yakin dan dapat bertutur dengan lebih baik. Berdasarkan data yang dikumpulkan, jelas membuktikan pencapaian pelajar telah meningkat dalam memberikan respons peribadi dan mengembangkan penterjemahan idea mereka. Pelajar juga dapat bertutur dengan lancar dan menggunakan bahasa dengan betul semasa berinteraksi. Ini disebabkan dengan secara tidak langsung kosa kata bahasa Melayu pelajar telah bertambah dan lebih luas. Kesannya, pencapaian pelajar dalam menjawab soalan pemahaman juga telah meningkat.

Penterjemahan teknik drama merupakan kaedah yang berkesan bagi memupuk dan membina keupayaan serta keyakinan para pelajar untuk menggunakan bahasa Melayu formal di bilik darjah dan seterusnya dalam persekitaran di luar sekolah.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:


1. Yahida Yahya

RUJUKAN

Maley, A. And Duff, A. (2005) *Drama Techniques in Language Learning: A resource book for Communication Activities for Language Teacher*. Cambridge: Cambridge University Press.

Napiee Mat & Noraini Abdullah (1988). *Kesusateraan Melayu* Open University, Selangor Malaysia

Omar Mamat. (1995). *Nilai-nilai Moral dalam Novel Remaja*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.



Peregoy and Boyle, (2008), *Using Drama and Movement to Enhance English Language Learners' Literacy Development*. PearsonHighered.com

Red, Sheldon. (2010). *Urban Madic*. Pennsylvania State University. Behrend College. USA

Sameera Ahmed Al-Senaidi. (1983). *Using Role Play to Promote Oral Fluency*. Sharqiya South Region. <http://www.moe.gov.om/Portal/sitebuilder/Sites/EPS/Arabic/IPS/Importa/tesol>

Zyoud Munther (2010), *Using Drama activities and Techniques to foster Teaching English as a Foreign Language : a Theoretical Perspective*, Al Quds Open University

<http://www.qou.edu/english/conference/firstNationalConference/pdfFiles/muntherZyoud.pdf>